

**Lagi Pemilihan PKR Cabang Dipertikai
Bernama
August 8, 2014**

KEPALA BATAS, 8 Ogos (Bernama) -- Selepas sekumpulan anggota PKR Cabang Nibong Tebal melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pemilihan semula cabang itu pada Jun lepas, kini pemilihan Cabang Bayan Baru pula turut dipertikaikan.

Anggota PKR Cabang Bayan Baru Prof Madya Dr Zasmani Shafiee mendakwa pemilihan parti cabang itu pada 4 Mei lepas tidak berlangsung dalam keadaan adil dan sihat.

Beliau juga mendakwa ramai anggota yang nama mereka tidak disenaraikan dalam senarai undi juga dibenar mengundi manakala petugas-petugas cabang yang dilantik oleh Pegawai Pengawas didapati mempengaruhi serta membantu pengundi untuk mengundi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghantar laporan aduan berkaitan proses pemilihan tahun 2014 Parti Keadilan Rakyat Cabang Bayan Baru di Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) Pulau Pinang, Seberang Perai Utara di sini, pada Jumaat.

Katanya pihaknya telah membuat beberapa aduan kepada Jawatankuasa Pemilihan Pusat Keadilan pada 7 Mei dan menghadiri sesi pendengaran pada 23 Mei, namun tiada maklum balas daripada pihak berkenaan sehingga hari ini.

Sementara itu, Dr Zasmani yang juga anggota seumur hidup PKR berkata anggota akar umbi PKR Pulau Pinang mahu Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim terus dikekalkan sebagai menteri besar Selangor.

Beliau yang mendakwa mewakili suara akar umbi anggota PKR berkata tidak ada sebab Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menggantikan Abdul Khalid kerana menteri besar Selangor itu mentadbir urusan negeri dengan baik.

"Ramai di antara kami ahli-ahli akar umbi berasa kecewa, keliru dan marah terhadap sikap segelintir pemimpin atasan yang telah mencemar nama baik parti. Parti ini pun parti kami juga, parti ini bukan sendirian berhad. Kami pun ada hak dalam parti ini dan kami boleh bersuara.

"Jadi, kami terasa agak terkilan apabila segelintir pemimpin kami telah mencemar nama baik parti melalui 'serangan' bertubi-tubi, tuduh menuduh, mengaibkan pemimpin kanan seperti Tan Sri Abdul Khalid secara umum," katanya.

Dr Zasmani yang juga Pengerusi Memacu Arus Perjuangan (MAP) Pulau Pinang, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang rata-rata dianggotai ahli akar umbi PKR, menyifatkan tindakan segelintir pemimpin atasan yang membuat 'serangan' terhadap Abdul Khalid seperti tiada lagi adab, hormat dan disiplin.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058890>